

Kerenah aktivis Barat tidak akan dilayan — PM

Projek Bakun dilaksanakan

Oleh
LOKMAN OTHMAN

KUCHING 30 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan melayan kerenah dan sikap talam dua muka aktivis-aktivis alam semula jadi Barat dalam melaksanakan projek raksasa Hidro Elektrik Bakun.

Sebaliknya, tegas Dr. Mahathir, projek yang menelan belanja RM15 bilion itu akan tetap diteruskan setelah kerajaan mengkaji setiap aspek termasuk kesan alam semula jadi apabila ia dilaksanakan.

"Kita tidak mahu ada golongan Barat menjadi penghalang Projek Bakun hanya kerana mereka cuba menebus kesilapan masa lalu negara-negara Barat yang tidak mengambil kira kesan alam semula jadi untuk membangunkan sesuatu projek.

31 JAN 1994

"Bukankah ini sesuatu yang tidak wajar kerana di sebalik kemajuan yang mereka nikmati hasil pemusnahan alam semula jadi di Barat, mereka cuba pula menghalang projek pembangunan di negara ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap melancarkan Projek Hidro Elektrik Bakun di sebuah hotel terkemuka di Santubong, kira-kira 35 kilometer dari sini petang ini.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, menteri-menteri Kabinet negeri dan Persekutuan.

Projek tersebut yang diswastakan pelaksanaannya akan dibangunkan oleh jutawan terkemuka tempatan, Datuk Ting Pek Khiing dari Ekran Berhad.

Menurut beliau, adalah sesuatu yang merugikan jika kejadian dan bentuk alam semula jadi itu

■ Lihat muka 2

Projek Bakun dilaksanakan

yang mampu memberi faedah kepada rakyat dibiarkan begitu sahaja dan tidak dimajukan.

Perdana Menteri membuat perbandingan mengenai kerugian seorang petani yang terus bertanam ubi kayu sedangkan ia tahu di tapak tanamannya tersimpan emas.

"Melalui Projek Bakun ini misalnya, negara akan berupaya memperoleh sumber elektrik hidro melalui kejadian alam semula jadi yang sudah semestinya tidak memerlukan kos yang tinggi," jelasnya.

Dr. Mahathir menjelaskan, sudah sememangnya setiap permulaan sesuatu projek pembangunan memerlukan kita membuat 'bayaran' seperti pengorbanan alam sekitar, binatang dan pemindahan masyarakat setempat.

Bagaimanapun, katanya, kewujudan Projek Bakun itu kelak dijangka akan menutup mulut aktivis-aktivis alam semula jadi itu sendiri kerana melalui teknologi terkini setiap kejadian alam semula jadi yang terkorban akan dapat diganti.

Lagi pun, tambahnya, projek tersebut dijangka menjadi destinasi pelancongan paling berpotensi kerana tarikannya yang akan terletak pada pulau-pulau buatan, sebagai pusat rekreasi terutama kepada pemancing-pemancing ikan dan sebagainya.

Mengenai kelewatan keputusan kerajaan sehingga mengambil masa yang begitu lama untuk melaksanakan projek itu, Dr. Mahathir berkata: "Pada masa dulu, kita dapati belum tiba masanya ia dilaksanakan segera kerana belum ada keperluan yang mendesak."

Bagaimanapun, katanya, bekalan kuasa elektrik amat diperlukan pada masa ini, lebih-lebih lagi ia didapati tidak mencukupi untuk menyokong keperluan pembangunan industri dan domestik yang lain seperti di Semenanjung.

Projek Hidro Elektrik Bakun yang dijangka berapaya membekal sehingga 2,500MW itu dijangka akan dapat disiapkan menjelang tahun 2002 melalui tiga peringkat.

Selain mampu membekalkan elektrik ke seluruh negara ia juga berpotensi untuk menjadi bahan eksport.

Ekran Berhad dijangka akan memajukan 80,000 hektar melalui penebangan hutan yang kemudiannya akan digunakan sebagai sumber industri hiliran di Sarawak.

Syarikat itu dengan kerjasama sebuah syarikat asing juga akan membina sebuah kilang membuat kabel berkuasa tinggi bawah laut di Tanjung Manis, Sarikei.